



BRUNEI STUDENTS UNIT

PANDUAN BAGI PERMOHONAN MEMBAHARUI PASPOT KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM ATAU MENGGANTIKAN PASPOT HILANG

A. DOKUMEN-DOKUMEN YANG PERLU DIHADAPKAN

Para pelajar yang perlu memperbaharui paspot semasa berada di United Kingdom dan Republik Eire, hendaklah memastikan dan menyediakan perkara-perkara berikut:

1. **Borang permohonan bagi Pasport Kebangsaan** untuk diisikan dengan lengkap. Borang tersebut boleh dimuat turun dari laman web Unit Penuntut-penuntut (UPP).
2. **Salinan Kad Pengenalan** (yang masih sah).
3. **Empat (4) keping gambar** ukuran paspot (sila rujuk *Panduan Gambar Pasport- Bahagian B*).
4. **Salinan paspot lama.**
5. Salinan **surat tawaran biasiswa**(jika pelajar persendirian, sila sertakan surat pendaftaran sebagai pelajar dan salinan **surat daripada institusi pengajian/university (offer letter)**).
6. **Surat penjelasan daripada pemohon** dengan menyatakan statusnya, iaitu sebab berada di United Kingdom dan sebab memohon paspot baru. Surat permohonan tersebut ditujukan kepada:
**Yang Mulia,
Pengarah
Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan,
Negara Brunei Darussalam**

**Melalui
Bahagian Konsular
Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam
di London, United Kingdom**
7. Bagi **pembayaran Yuran Pasport**, pelajar adalah dinasihatkan untuk mendapatkan jumlah tepat yang perlu dibayar. Ini adalah kerana yuran mesti dibayar menggunakan mata wang **Pound Sterling** dan jumlahnya sentiasa berubah mengikut kadar pertukaran matawang asing. Jumlah Yuran Pasport adalah sebanyak **BND60.00**.
8. Jika alasan memohon paspot baru disebabkan **hilang/tercicir**, maka **denda (surcharge) akan dikenakan** seperti berikut:

Hilang Kali	Bayaran
Pertama	BND\$150
Kedua	BND\$300
Ketiga Dan Seterusnya	BND\$450

Contoh:

- Bayaran denda (*surcharge*) hilang kali pertama adalah BND\$150.00 dan harga perkhidmatan dokumen perjalanan Biasa sebanyak BND\$60.00. Maka jumlah keseluruhan adalah sebanyak BND\$210.00.

(Jika paspot hilang/tercicir disebabkan kecuaiannya sendiri atau tidak, maka pemohon akan dikenakan denda).

9. **Jika paspot hilang, laporan polis** hendaklah disertakan bersama-sama dengan permohonan menggantikan paspot.
10. Sila hadapkan surat permohonan pelajar, dokumen-dokumen penyokong (senarai 1-6), yuran pembayaran kepada Unit Penuntut-penuntut untuk dihadapkan kepada Bahagian Konsular ke alamat:

Yang Mulia,

**Pengarah Pengajian
Unit Penuntut-penuntut
35-43 , Norfolk Square
London W2 1RX**

B. PANDUAN GAMBAR PASPOT

1. Berukuran paspot (5.2cm x 4cm).
2. Pemohon hendaklah dalam keadaan kemas dan gambar yang terkini. (Bagi pemohon lelaki, gambar pemohon hendaklah menampakkan telinga dan berambut pendek).
3. Elakkan berpakaian atau bertudung berwarna biru atau putih.

C. TEMPOH PROSES PENGGANTIAN

Setelah menghadapkan permohonan, pemohon adalah dinasihatkan supaya memastikan tidak ada rancangan untuk membuat perjalanan keluar negeri dalam tempoh masa lebih kurang **dua bulan (5 -8 minggu)** sehingga dokumen perjalanan diserahkan kepada pemohon secara rasmi setelah mendapat kebenaran.

Nota:

Sumber maklumat diperolehi daripada Bahagian Konsular, Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di London, United Kingdom.

Nov. 2015